

Oleh NUR FATIEHAH
ABDUL RASHID
teharashid@gmail.com



Kelangsaan industri lada hitam

LADA hitam merupakan rempah penting yang digunakan secara meluas di seluruh dunia, sehinggakan dikenali sebagai *King of Spices*.

Pada masa dahulu, lada hitam diniagakan seperti emas dan hanya digunakan oleh golongan raja serta bangsawan. Ia berasal dari selatan India dan dibawa masuk ke Malaysia oleh pedagang dan peniaga rempah.

Malaysia merupakan negara kedua paling produktif dalam penghasilan lada hitam selepas Thailand, dengan pengeluaran nasional sebanyak 1,888 kilogram sehektar, tetapi, merupakan negara keenam pengeluar utama lada hitam dunia, selepas Vietnam, Indonesia, India, Brazil dan China.

Sarawak menyumbang kepada 98 peratus keseluruhan pengeluaran lada hitam nasional.

Sejarah penanaman lada hitam di Sarawak bermula pada tahun 1900, namun hanya diusahakan secara komersial bermula tahun 1956. Pokok lada hitam subur di kawasan panas serta lembap dan banyak ditanam sekitar Kuching, Samarahan, Sri Aman, Betong dan Sarikei.

Antara masalah utama industri lada hitam adalah pokok lada yang kurang produktif, kayu sokongan tanaman yang mahal dan tidak mampan (menggunkan kayu belian), harga pasaran yang tidak menentu, kos

operasi penanaman yang meningkat dan kurang sambutan daripada generasi muda untuk meneruskan industri ini.

Menyedari bahawa pentingnya kelangsungan industri lada hitam di Sarawak khasnya dan Malaysia amnya,

Universiti Putra Malaysia (UPM) memperkenalkan projek *Sarawak Pepper Farm @ UPM*.

Usaha murni ini mengemulangi usaha sama daripada tiga pihak utama iaitu UPM sebagai salah sebuah universiti penyelidikan bawah Kementerian Pendidikan Tinggi Malaysia, Kerajaan Negeri Sarawak dan Lembaga Lada Hitam Malaysia (LLHM).

Menurut Naib Canselor UPM, **Prof. Datin Paduka Dr. Aini Ideris**, kerjasama penyelidikan strategik itu akan membangunkan 25 ekar tanah di UPM Kampus Bintulu secara berfasa bermula pada 2018.

“Tiga program utama bawah penyelidikan ini adalah meliputi kawasan program penyelidikan seluas dua hektar (lima ekar), enam



MENTERI Pendidikan Tinggi, Datuk Seri Idris Jusoh (dua dari kiri) tertarik dengan benih lada hitam sambil disaksikan oleh Dr. Aini Ideris (kanan) dan Menteri Muda Penyelidikan Sains dan Bioteknologi Sarawak, Dr. Annuar Rapae (dua dari kanan).



PESERTA program juga akan didedahkan dengan ilmu-ilmu berkaitan tanaman lada hitam.



LADA Sarawak antara produk yang semakin mendapat tempat di seluruh dunia.

TIGA PROGRAM UTAMA SARAWAK PEPPER FARM @ UPM

■ Program Pengeluaran Komersial Penanaman lada secara komersial bertujuan dijadikan sebagai ladang model yang menekankan amalan penanaman baik dan mampan untuk rujukan pengusaha dan pekebun lada.

■ Program Penyelidikan Penyelidikan akan dijalankan secara in situ. Empat bidang utama untuk penyelidikan lada telah dikenalpasti iaitu Program Penanaman Lada, Program pelindungan Lada, Program Teknologi Hiliran dan Program dimensi Kemanusiaan.

■ Program Ladang Komuniti - Ladang komuniti dibuka kepada semua lapisan masyarakat, petani, pelajar dan orang ramai yang berminat untuk menanam lada atas daya usaha mereka sendiri dan dalam masa yang kawasan tanah serta khidmat nasihat pakar turut disediakan.



SARAWAK merupakan negeri pengeluar utama lada hitam negara.

ha (15 ekar) untuk Program Pengeluaran Komersial dan dua ha untuk Program Ladang Komuniti.

Sementara itu, empat bidang utama dalam program penyelidikan yang akan diusahakan ialah Program Penanaman Lada, Program Perlindungan Lada, Program Teknologi Hiliran dan Program Dimensi Kemanusiaan yang akan diterajui penyidik UPM dan LLHM.

“Ladang lada hitam ini akan dibangunkan dengan amalan penanaman baik dan lestari, dijangka akan menarik minat dan menjadi tumpuan pekebun-pekebun lada, usahawan, saintis, pelabur dan pelajar,” ujarnya.

Usaha yang dilakukan oleh UPM dan LLHM ini juga disambut baik oleh komuniti setempat apabila ia mendatangkan pelbagai manfaat dan faedah tidak kira dari segi kemudahan mahupun ilmu pengetahuan berkaitan penanaman lada hitam.



AINI IDERIS

Dalam masa yang sama, program berkenaan akan menjadi platform kepada penyelidikan serta pembangunan haluan dan hiliran untuk manfaat pengkomersialan dan ladang untuk komuniti sebagai medan pemindahan pengetahuan serta teknologi kepada komuniti petani.

“Model-model interaktif

penyelidik-petani akan menggalak dan mencetuskan minat masyarakat untuk menceburkan diri dalam usaha penanaman lada yang mempunyai prospek cerah.

“Kami percaya projek ini akan menjamin kelestarian penanaman lada hitam di negara ini, seterusnya menyokong matlamat negara untuk meningkatkan keluasan ladang dari 14,000 ha kepada 20,000 ha menjelang 2020, sekali gus menjadi pengeluar utama lada hitam dunia,” katanya.